

PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2025

Pendahuluan

Pengurusan hutan yang cekap dan penggunaan sumber asli yang mampan adalah penting dalam mencapai pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar. Hala tuju pengurusan sumber secara mampan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan dan Malaysia di antara negara pengeluar utama kayu tropika sentiasa meningkatkan piawaian ke tahap yang lebih baik. Selain daripada keperluan untuk kestabilan ekonomi, tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial juga perlu dititik beratkan bagi memastikan matlamat pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dapat dicapai.


Penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahaan dalam HSK adalah perlu dilaksanakan di setiap kawasan pengusahaan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan pandangan masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan pengusahaan diambilkira dan dipandang berat bagi membantu merancang pengurusan hutan di masa hadapan, selain memastikan pelaksanaan aktiviti pengusahaan adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa.

Metodologi


Penilaian terhadap maklum balas Borang Penilaian Impak Sosial Kawasan Pengusahaan dalam HSK di Negeri Sembilan bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengusahaan dilaksanakan bagi tahun 2025. Perbandingan peratusan maklum balas positif dan negatif oleh responden kepada aktiviti pengusahaan di kawasan tertentu dalam HSK dikira berdasarkan kepada bilangan soalan yang dijawab dalam Borang Kaji Selidik (*Questionnaire*) yang telah diedarkan.

Penilaian Impak Sosial

Rajah 1: Peratus (%) maklumbalas positif terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2025**.



2: Peratus (%) maklumbalas negatif terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2025**.



Berdasarkan analisis di atas, didapati bahawa peratusan maklum balas positif daripada responden terhadap aktiviti pengusahaan di kawasan usahasil, iaitu Kompartmen 43, Hutan Simpan Kenaboi menunjukkan peningkatan.

Manakala, peratusan maklum balas negatif daripada responden menunjukkan penurunan.

Namun demikian, aktiviti pengusahaan bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada penduduk yang tinggal berhampiran, malah turut memberi manfaat kepada peniaga tempatan apabila warung dan kedai runcit di kawasan sekitar menerima peningkatan perbelanjaan daripada pekerja syarikat pengusahaan bagi mendapatkan keperluan harian.

Di samping itu, pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan yang baik turut menyediakan kemudahan laluan darat kepada masyarakat setempat, khususnya masyarakat Orang Asli, bagi menjalankan aktiviti sara hidup seperti mengutip hasil hutan, termasuk buah-buahan nadir, tumbuhan ubatan dan hasil hutan bukan kayu yang lain.

Selain itu, pelaksanaan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System* – SMS) turut mensyaratkan syarikat pengusahaan mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, selaras dengan syarat lesen serta nasihat dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS).

Kesimpulan

Secara amnya, amalan pengurusan hutan secara berkekalan yang berteraskan penyediaan perkhidmatan ekosistem hutan serta sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat mampu memberikan impak positif kepada masyarakat setempat. Komitmen dan integriti semua pihak dalam memelihara khazanah hutan merupakan faktor penting bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat, di samping memastikan kelestarian sumber hutan dan kemampanan kepelbagaian biologi negara untuk generasi kini dan akan datang.